



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/4/2021	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

24 kes cubaan ceroboh hutan simpan Pahang dapat dihalang

BH 21/4/2021 m/s 22

Kuantan: Unit Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mematahkan 24 kes cubaan menceroboh hutan simpan di negeri ini sepanjang tiga bulan pertama tahun ini.

Kefua Penolong Pengarah (Penguatkuasaan) JPNP Nor Azirim Ahmad, berkata walaupun negara sedang berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kegiatan menceroboh hutan simpan dan cubaan memindahkan hasil hutan tanpa permit tetap terus dilakukan pihak tidak bertanggungjawab menggunakan pelbagai cara dan helah untuk mengaburi pihak berkuasa.

Katanya, sebanyak 24 kes ceroboh hutan simpan berlaku di negeri ini, membabitkan tujuh kes di daerah Kuantan, diikuti Lipis (6), Bentong (4), Jerantut (3), Temerloh (2), Raub (1) dan Rompin (1).

"Dalam tempoh berkenaan, terdapat empat kes cubaan memindahkan balak serta kayu bergergaji di Jerantut, Lipis dan Kuantan, manakala satu kes membabitkan kegiatan melombong emas dalam hutan simpan di Lipis," katanya, di sini, semalam.

Nor Azirim menambah, pihaknya sentiasa melakukan aktiviti penguatkuasaan, selain sekatan jalan raya dengan kerjasama pihak berkuasa lain.

Tambahnya lagi, bagi kes tertentu, pemantauan dari udara menggunakan helikopter atau dron turut dilakukan.

"Perbuatan menceroboh hutan dan menebang pokok tanpa kawalan akan merosakan hutan selain menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri," katanya.